



SHAHRIZAL MD NOOR | BERITA HARIAN

**KASIH ADIK:** Tun Dr Mahathir memimpin kakaknya, Refeah Mohamad ketika menziarah jenazah Habshah di Alor Star, semalam.

# Kakak Tun Mahathir meninggal

BH-7/12/2006

**A**LOR STAR: Kakak kedua Tun Dr Mahathir Mohamad, Habshah @ Bibi, meninggal dunia di Pusat Perubatan Kedah (PPK), di sini petang semalam kerana komplikasi paru-paru.

Allahyarham yang berusia 89 tahun adalah kakak kedua Dr Mahathir daripada lima beradik. Dr Mahathir adalah anak bongsu.

Anak tunggal Allahyarham, Kalthom Abdul Ghani, 60, berkata ibunya dimasukkan ke PPK sejak 20 November lalu dan meninggal dunia jam 1.15 petang semalam.

Selain Kalthom, Dr Mahathir dan isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali berada di sisi sebelum Allahyarham meninggal dunia.

Kalthom berkata Allahyarham mengalami pendarahan dalam malam Selasa lalu dan bergantung



Habshah @ Bibi

kepada mesin bantuan pernafasan sejak seminggu lalu selepas keadaannya bertambah serius.

"Doktor memaklumkan kesihatan Allahyarham bertambah tenat pagi ini (semalam) dan meminta kami bersedia menerima kemungkinan. Saya berada di sisinya hingga Allahyarham menghembuskan nafas terakhir," katanya.

Jenazah Habshah dibawa ke rumah anak saudaranya, Datin Yasmin Mashahor, di Jalan Pegawai dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Akar Peluru jam 10 pagi ini, tempat bapanya, Allahyarham Mohamad Iskandar dikebumikan.

Suami Habshah, Abdul Ghani Pa'chik meninggal dunia lebih 20 tahun lalu. Dr Mahathir kini hanya mempunyai kakak sulungnya, Refeah, 92.